



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2013

**PINDAAN NAMA KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR (R)**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H).

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengarusperdanakan pendidikan vokasional ke arah melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovatif dan berdaya saing, kerajaan bersetuju supaya Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) dijenamakan semula bagi memberi pengiktirafan kepada perkhidmatan di bawah klasifikasi perkhidmatan berkenaan.

PINDAAN

3. Bagi melaksanakan hasrat tersebut, nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir dipinda kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran. Berikutan dengan pindaan ini, skim perkhidmatan di bawah klasifikasi perkhidmatan tersebut dipinda kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran dan gred jawatan/gaji dipinda daripada kod R kepada H.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan